

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]

TARIKH : 22 NOVEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN:

TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada satu siasatan telah dijalankan ke atas urusan kewangan 'hawala' ke luar negara ekoran pendedahan Pandora Papers, berapa jumlah trilion ringgit yang terbabit dan akaun luar pesisir yang dimiliki oleh 13 rakyat Malaysia, termasuk ahli politik, serta usaha untuk mendapat balik wang tersebut.

JAWAPAN

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pandora Papers sebenarnya merupakan satu pendedahan oleh International Consortium of Investigative Journalists (ICIJ) sebagaimana pendedahan yang pernah dibuat sebelum ini iaitu Offshore Leaks (2013), Panama Papers (2016) dan Paradise Papers (2017). Dalam pendedahan Pandora Papers, ICIJ hanya menyenaraikan siapa yang pernah atau yang sedang memiliki saham atau menjadi pengarah dalam syarikat di luar negara ataupun *offshore*.
2. Secara dasarnya, penggunaan akaun luar pesisir bukanlah satu kesalahan di bawah undang-undang Malaysia dan tindakan akan diambil

sekiranya terdapat bukti berkaitan salah laku jenayah mana-mana individu atau syarikat. Struktur Kewangan Malaysia dikendalikan oleh Bank Negara Malaysia melalui Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758], Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [Akta 759] dan Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011 [Akta 731].

3. Aktiviti penguatkuasaan dan pematuhan transaksi wang ke luar negara adalah tertakluk di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2021 (AMLA) [Akta 613] dan akta berkaitan yang merangkumi langkah pencegahan terhadap kegiatan pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan, pemindahan dana melalui saluran tidak rasmi dan pengisytiharan mata wang di pintu masuk keluar negara.

4. AMLA yang dikuatkuasakan oleh agensi-agensi penguatkuasaan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Bank Negara Malaysia (BNM) sebagai pihak berkuasa berwibawa (*competent authority*) di bawah AMLA sentiasa bersedia memberi bantuan dan sokongan kepada agensi-agensi tersebut.

5. Manakala aktiviti kewangan luar pesisir Malaysia dikawal selia oleh *Labuan Financial Services Authority* (Labuan FSA) melalui penguatkuasaan Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan 2010 [Akta 704] dan Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Islam Labuan 2010 [Akta 705]. Aktiviti penyelarasan dan aktiviti penguatkuasaan bersama juga telah dilaksanakan terutama melalui *National Anti-Financial Crime Centre* (NFCC), penguatkuasaan dan kawalan sempadan termasuk pemantauan.

6. SPRM sedang dalam penelitian berkenaan isu ini dan tindakan siasatan akan dilaksanakan sekiranya terdapat bukti yang menunjukkan bahawa berlakunya aktiviti pengubahan wang haram oleh individu-individu yang dikaitkan dengan Pandora Papers ini.

Sekian, terima kasih.